



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	26/9/2019	MUKA SURAT	:	61
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



SFC membawa keluar beruang matahari dari sebuah rumah di Demak Laut, Kuching, semalam.

SFC selamatkan beruang matahari

Pemilik didapati langgar beberapa terma, syarat lesen JHS

Oleh Garret Dawum
bhnews@bh.com.my

Kuching: Desakan orang ramai akhirnya menyelamatkan seekor beruang matahari yang dikurung di sebuah rumah dekat Demak Laut di sini semalam.

Haiwan liar seberat 76 kilogram itu dan berusia sekitar tujuh tahun diselamatkan oleh anggota Sarawak Forestry Corporation (SFC) walaupun pemiliknya mem-

punyai permit berbuat demikian.

Ketua Pegawai Eksekutif SFC, Zolkipli Mohamad Aton berkata, walaupun pemiliknya mempunyai permit daripada Kontroler Hidupan Liar Jabatan Hutan Sarawak (JHS), dia sudah melanggar beberapa terma dan syarat lesen.

"Pasukan kami datang menyelamatkan beruang matahari itu pada jam 2.30 petang dan dibawa terus ke Pusat Hidupan Liar Matang untuk pemeriksaan kesihatan

tan segera.

"Selepas dikurung beberapa tahun, beruang matahari itu perlu menjalani program pemulihan sebelum dapat dilepaskan ke habitat asal," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sepasukan anggota penguat kuasa SFC melancarkan operasi itu selepas gambar haiwan terlindung berkenaan tular di media sosial.

Bagaimanapun, Zolkipli enggan



Beruang matahari dibawa ke Pusat Hidupan Liar Matang untuk pemeriksaan kesihatan.

mengulas kerana ia berada di bawah bidang kuasa JHS.

Beliau berkata, haiwan berkenaan dilindungi mengikut Ordinan Perlindungan Hidupan Liar Sarawak 1998.

"Membunuh, menyimpan, menjual dan membeli haiwan itu adalah dilarang dan jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dipenjarakan selama setahun dan denda RM10,000.

"Permit atau lesen boleh dipohon tetapi perlu mematuhi terma dan syarat. Sesiapa yang memiliki

haiwan yang dilindungi atau dilindungi sepenuhnya secara haram perlu menyerahkannya kepada pihak berkuasa sebelum tindakan diambil," katanya.

Beliau berharap individu yang menjaga haiwan dilindungi di bawah lesen untuk sukarela menyerahkannya kepada SFC sebelum timbulnya masalah lain.

"SFC juga ingin mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang membantu pihak berkuasa menangani perdagangan hidupan liar secara haram dan pembalakan haram di Sarawak," katanya.